



SOKONGAN PADU ... sebahagian pemimpin setempat dan orang ramai yang hadir di majlis itu.

Lambakan makanan lalaikan umat Islam

Logo halal mengelirukan perlu pengawasan penguatkuasa: Sapawi

NST 08.06.2012 2

SIPITANG: Lambakan makanan dan kemudahan memperolehnya melalaikan segelintir umat Islam.

Ahli Parlimen Sipitang datuk sapawi Ahmad, berkata keadaan itu turut mewujudkan sikap tidak kisah di kalangan mereka.

"Penjenamaan logo halal yang mengelirukan turut melalaikan," katanya pada Seminar Sesedaran Makanan Hab Halal di dewan serbaguna sini kelmarin.

Hadir sama pada majlis itu Timbalan Naib

Censellor (Penyelidikan dan Inovasi) Universiti Malaysia Sabah (UMS), Prof. Dr. Harun Mohd B. Abdullah, Pegawai Daerah Sipitang, Latip Amat, Timbalan Pengarah (Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Sabah (Jheains), Mohamad Sidik Awang Adi, Dekan Sekolah Sains Makanan dan Pemakanan (SSMP) UMS, Prof. Madya Dr. Sharifudin Md Shaarani dan pembentang kertas kerja Pendidikan Kepenggunaan Makanan Halal, Prof. Madya Mariam Abdul Latif.



DIHARGAI ... Sapawi (tiga, kiri) menyampaikan cendera kenangan daripada Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UMS, Prof Dr Harun Mohd Abdullah..

Sapawi berkata, tindakan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) menyeragamkan penjenamaan logo halal banyak membantu umat Islam.

Katanya, langkah Jakim itu semenangnya tepat ketika umat Islam dihimpit dengan pelbagai perkara yang mengelirukan.

Bagaimanapun, Sapawi berkata, pengawasan masih perlu dilakukan oleh penguatkuasa yang berkaitan.

Katanya, pengawasan yang ketat akan dapat menghalang daripada pengusaha yang bersikap tamak dan cuba memalsukan logo halal.

"Tindakan tegas perlu dikenakan kerana kita tidak mahu umat Islam ditipu dan logo halal dipermain-mainkan," katanya.

Begitupun, Sapawi menegaskan, bahawa umat Islam sendiri perlu memainkan peranan membantu pihak berkuasa.

Katanya, sikap tidak kisah atau tidak peduli tidak harus diamalkan.

"Ketepikan sikap seumpama itu dan umat Islam harus bersikap prihatin," katanya dan menambah keprihatinan umat Islam amatlah diharapkan," tambahnya.

Dalam pada itu, Sapawi berharap supaya pemimpin setempat tampil membantu menjayakan hab halal serantau dengan adanya kerjasama semua pihak.

"Kita menjadikan Sipitang sebagai pusat hab halal serantau dan saya yakin ini boleh dicapai," katanya lagi.

Menurut Sapawi lagi, beliau mahu agensi seperti UMS dan Jheains memainkan peranan dalam menjenamakan dan pelabelan produk halal.

"Memandangkan Sipitang amat terkenal dengan makanan satay, saya mahu ianya dijenamakan serta dilabelkan melalui kerjasama itu.

"Saya percaya Sipitang akan menjadi 'role model' hub halal kerana kedudukannya yang amat strategik memandangkan ia menjadi tempat persinggahan pengunjung dari Brunei dan Sarawak.

"Ianya penting bagi memberikan keyakinan kepada pengunjung bahawa produk makanan yang disediakan adalah benar-benar halal dan bersih dari segi pengendalian," tegaskannya.